

## **KADAR TUNTUTAN PERUBATAN PKRAC & CFS**

1. Kadar nilai elaun tuntutan perubatan oleh Pegawai Khidmat RAC (PKRAC) dan Contract for Service (CFS) adalah RM1,800 setahun tanpa mengira tempoh perkhidmatan.
2. Sekiranya pegawai berhenti daripada berkhidmat sebelum tamat tempoh kontrak, RAC akan membuat potongan terhadap emolumen akhir pegawai berdasarkan kiraan pro-rata kelayakan tahunan.
3. Pegawai layak mendapat kemudahan perubatan untuk diri sendiri dan ahli keluarga termasuk anak, ibu dan bapa kandung yang diiktiraf. (Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil.1 Tahun 2023 bertarikh 17 April 2023)
4. Jika terdapat penambahan ahli keluarga pegawai hendaklah mengemaskini maklumat kepada Unit Sumber Manusia dan mengemaskini maklumat ahli keluarga dia dalam sistem *e-claim*.
5. Anak yang berumur melebihi daripada 18 tahun tetapi tidak melebihi 21 tahun dan masih bersekolah/belajar, **perlu menyerahkan surat pengesahan daripada institusi pendidikan/pengajian tinggi kepada Unit Sumber Manusia** pada setiap tahun selewat-lewatnya pada 31 Januari bagi pengiraan bajet peruntukan perbelanjaan dan layak menerima kemudahan ini.
6. Anak yang berumur melebihi daripada 18 tahun tetapi tidak melebihi 21 tahun yang bekerja/ tidak menyambung pengajian adalah **tidak layak** baginya kemudahan ini.
7. Anak yang kurang upaya adalah layak kemudahan ini dan tiada had umur. (perlu mengemukakan pengesahan kurang upaya kepada Unit Sumber Manusia)

## **SYARAT-SYARAT TUNTUTAN PERUBATAN BULANAN PKRAC & CFS**

1. **Nama pegawai atau nama ahli keluarga** dikemukakan dan dokumen sokongan perlu dihantar kepada Unit Sumber Manusia.
2. **Rawatan dan perubatan** sahaja dibenarkan.
3. Mengemukakan **resit asal beserta nama** semasa membuat tuntutan.
4. Pembelian sebarang ubat-ubatan dan peralatan perlu mendapat **perakuan dan pengesahan** Pegawai Perubatan/Pakar Perubatan. (Perlu dilampirkan Preskripsi daripada Doktor Perubatan/Pakar Perubatan bersama tuntutan)
5. Rawatan dan perubatan yang **tidak dibenarkan** adalah seperti berikut:-
  - i. Rawatan kecantikan (Contoh: rambut, kulit, kuku, gigi palsu/*denture/partial denture*, rawatan kosmetik gigi, pemutihan gigi,

*veener, crowning, polishing, inlay/onlay, implant, bridge, orthodontic, braces* dan fizikal;

- ii. Rawatan susulan bagi perkhidmatanurut/ rawatan tradisional/ rawatan alternatif tanpa pengesahan/ preskripsi dari Pegawai Perubatan/ Doktor Perubatan;
  - iii. Pembelian ubat-ubatan di farmasi tanpa pengesahan/ preskripsi dari Pegawai Perubatan/ Doktor Perubatan;
  - iv. Pembelian alatan di klinik/hospital tanpa pengesahan Pegawai Perubatan/ Doktor Perubatan adalah tidak dibenarkan; dan
  - v. Rawatan bersalin.
6. Pembelian sebarang perubatan tambahan perlu mendapat perakuan dan pengesahan daripada Pegawai/Pakar Perubatan (wajib dilampirkan bersama tuntutan).
7. Rawatan dan perubatan di **klinik perubatan swasta dan klinik pergigian swasta yang berdaftar** dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sahaja dibenarkan seperti di pautan berikut:-  
<https://hq.moh.gov.my/medicalprac/wp-content/uploads/2023/04/12.-Senarai-Klinik-Perubatan-Swasta-bawah-Akta-586-as-of-31.12.22.docx.pdf>  
[SENARAI KLINIK GIGI BERDAFTAR 2023.pdf](#)
8. Tuntutan perlu **dihantar sebelum atau pada 10 hari bulan** pada setiap bulan berikutnya.
9. **Tuntutan yang lewat perlu sertakan memo** dan **mendapatkan pengesahan** dari Ketua Pegawai Eksekutif.
10. Unit Kewangan **berhak menolak tuntutan yang tidak memenuhi syarat-syarat** yang ditetapkan.
11. **Sebarang tuntutan palsu boleh dikenakan tindakan** seperti mana yang dinyatakan di dalam Arahan Perbendaharaan 69 atau mana-mana Akta/Pekeliling berkaitan. Sebarang tuntutan diragui akan dipanjangkan ke Unit Integriti dan Pematuhan untuk tindakan selanjutnya.